

25/03/2000

Raja-Raja bertindak (HL)

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Jumaat - Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu semalam bersetuju sebulat suara untuk mengambil tindakan tertentu bagi menyatupadukan semula umat Islam di negara ini yang berpecah akibat politik.

Persetujuan itu dicapai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi taklimat khas kepada mesyuarat berkenaan mengenai perpaduan umat Islam di negara ini sekarang.

Dr Mahathir berkata, keputusan Raja-Raja berusaha menyatupadukan semula umat Islam itu dibuat secara persetujuan bersama.

"Semua raja mengambil berat mengenai masalah itu dan mereka akan mengambil tindakan tertentu untuk menyatupadukan semula umat Islam. Itu adalah keputusan mereka.

"Terpulanglah kepada Raja-Raja untuk menentukan bentuk tindakan yang akan diambil bagi mencapai matlamat itu," kata Dr Mahathir selepas menyerahkan Jalur Gemilang kepada pasukan Rali Proton-PERT yang mewakili negara ke kejohanan Rali Gudang Garam Indonesia, antara 31 Mac hingga 3 April ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri menyarankan Raja-Raja membantu menyatupadukan umat Islam yang berpecah akibat perbezaan fahaman politik menerusi Majlis Agama Islam negeri serta Majlis Fatwa.

Saranan Dr Mahathir itu mendapat sokongan pelbagai lapisan rakyat yang mahukan Raja-Raja Melayu berikhtiar mengatasi masalah perpecahan orang Melayu berikutan perbezaan fahaman serta penyalahgunaan agama oleh pihak tertentu untuk kepentingan politik peribadi.

Persidangan Majlis Raja-Raja ke-185, dipengerusikan Sultan Pahang. Mesyuarat dua hari di Istana Negara itu berakhir semalam. Sultan Pahang dijadual mengadakan sidang akhbar di Pekan, esok.

Dr Mahathir berharap umat Islam di negara ini menerima apa jua cadangan Raja-Raja Melayu kerana mereka bertanggungjawab terhadap urusan agama Islam mengikut Perlembagaan.

"Jadi, kalau masalah orang Islam itu ada kaitan dengan agama, ia menjadi tanggungjawab Raja-Raja dan mereka tidak akan bertindak berasingan, sebaliknya sebagai Majlis Raja-Raja," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada masa yang sama, Raja-Raja Melayu tidak boleh terbabit dengan politik.

"Walaupun tanggungjawab mereka terhad kepada perkara berkaitan agama dan tidak boleh campur tangan dalam urusan politik, Raja-Raja Melayu masih ada peranan menyatukan semula umat Islam," katanya.

(END)